

TATACARA PERMOHONAN 'ONLINE'

MAKLUMAT PENTING

- Sila pastikan anda menggunakan pelayar internet yang sesuai seperti Internet Explorer 6.0 atau terkini.
- Sila pastikan pilihan program adalah menepati syarat minima kelayakan akademik sesuatu program.

Sebelum membuat permohonan

Pastikan anda mempunyai maklumat berikut :

1. Nombor kad pengenalan 'MyKad'
2. Alamat surat menyurat, No. Tel / HP dan E-Mail semasa
3. Keputusan SPM/STPM/Diploma atau mana-mana kelayakan yang akan digunakan untuk memohon
4. Maklumat Ibu, bapa/penjaga
5. Pilihan program pengajian di KPTM

SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN

Sila klik [di sini](#) untuk melihat senarai program dan syarat kelayakan minima setiap program.

Semasa mengisi maklumat

- Lengkapkan semua maklumat yang diperlukan. (Maklumat bertanda * adalah **DIMESTIKAN** yang membolehkan permohonan dihantar).
- Sila pastikan anda klik petak pengesahan 'Saya mengaku bahawa maklumat yang di berikan dalam borang ini adalah benar ...' Permohonan anda hanya akan diproses sekiranya bahagian ini dilengkapkan.
- Klik butang '**Submit**' sekiranya anda telah berpuashati dengan semua maklumat yang diisi adalah tepat.
- Anda akan dibawa ke paparan pilihan program selepas permohonan dihantar. Buat pilihan program mengikut urutan keutamaan. Permohonan anda akan diproses mengikut urutan pilihan program berdasarkan kelayakan akademik. Anda hanya akan ditawarkan satu (1) program sahaja.

Selepas menyempurnakan permohonan online

- Anda dibenarkan untuk mengemaskini maklumat permohonan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Sila guna No Rujukan Permohonan sebagai ID Pengguna dan No Kad Pengenalan sebagai katalaluan.
- Anda boleh menyemak status permohonan dengan klik di atas banner "Application Status" dan masukkan nombor kad pengenalan.
- Jika anda ingin membuat pertukaran program, sila hubungi Seksyen Pemasaran & Pengambilan KPTM Ibu Pejabat 03 91795639 / 5637 atau e-mail marketing@gapps.kptm.edu.my